Ringkasan Hukum Hakam Solat Tarawih

TERBITAN **JABATAN FATWA JORDAN**
TERJEMAHAN **MUHAMMAD SYAZANI BIN SATRI**
2020M / 1441H

الحمد لله ربّ العالمين، والصّلاة والسّلام على أشرف الخلق وسيّد المرسلين، سيّدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد:

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, ṣalawāt dan salām ke atas semulia-mulia makhluk, penghulu para Nabi, Sayyidunā Muḥammad dan keluarga serta para Ṣaḥābat Baginda sekaliannya.

Tulisan ini merupakan ringkasan mengenai hukum-hakam ṣolāt Tarāwīḥ yang paling penting, merangkumi soalan-soalan agama yang kebiasaannya diajukan oleh orang ramai berkenaan ṣolāt Tarāwīḥ dan hukum-hakamnya. Kami telah mengumpulkannya daripada fatwa-fatwa agama yang muktamad daripada Jabatan Fatwa Jordan. Fatwa-fatwa tersebut diambil daripada hukum-hakam fiqah yang telah disusun di dalam kitab-kitab Mazhab Al-Syāfi`ī secara khususnya, dan kitab-kitab mazhab empat yang muktabar di sisi Ahli Al-Sunnah wa Al-Jamā`ah secara umumnya.

Bulan Ramaḍān merupakan musim yang agung untuk mempersiapkan bekalan dengan ketaatan; padanya terdapat gandaan pahala, dan antara ibadat yang paling penting yang dikhususkan pada bulan mulia ini: Ṣolāt Tarāwīḥ.

Perkataan *al-tarāwīḥ* (التَّرَاوِيْح): Merupakan kata ganda bagi *tarwīḥah* (تَرْوِيْحَة), iaitu berehat untuk satu kali, seperti kata *taslīmah* (تَسْلِيْمَة) daripada *al-salām* (السَّلَام). Dinamakan ṣolāt ini sedemikian adalah kerana para Ṣaḥābat dahulunya merehatkan diri mereka antara

setiap dua kali salam ketika mana mereka berkumpul untuk menunaikan ṣolāt ini pada mulanya.[1]

Hukum Ṣolāt Tarāwīḥ

Hukum Ṣolāt Tarāwīḥ ialah Sunat Mu'akkad. Ini berdasarkan riwayat daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه: Bahawa Rasūlullah ﷺ telah bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا،غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

> "Barangsiapa yang mendirikan Ramaḍān dengan penuh keimanan dan pengharapan pahala, diampunkan baginya apa yang terdahulu daripada dosa-dosanya."[2]

Maksud bagi perbuatan mendirikan Ramaḍān ialah: Ṣolāt Tarāwīḥ, sepertimana yang telah dijelaskan oleh Imām Al-Nawawi رحمه الله di dalam syarahannya ke atas Ṣaḥīḥ Muslim.[3]

[1] *Fatḥ Al-Bārī*, 4/250.
[2] *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 2009.
[3] *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 6/39.

Bilangan Rakaat Ṣolāt Tarāwīḥ

Majoriti `ulamā' Ahli Al-Sunnah wa Al-Jamā`ah telah bersepakat bahawa jumlahnya ialah 20 rakaat. Mazhab Mālikī pula berpendapat bahawa jumlahnya ialah 36 rakaat. Berdasarkan perkara tersebut, barangsiapa yang melakukan lapan rakaat, maka dia telahpun menunaikan sebahagian daripada Sunnah ini, dan baginya pahala ke atas ṣolāt yang telah dilaksanakan. Dalil bagi perkara ini ialah apa yang diriwayatkan oleh Al-Bayhaqī di dalam Sunannya, daripada Al-Sa'ib bin Yazīd رضي الله عنه bahawa dia berkata:

كَانُوا يَقُومُونَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ بِعِشْرِينَ رَكْعَةً، قَالَ: وَكَانُوا يَقْرَأُونَ بِالمَئِينِ

> "Dahulunya, pada zaman `Umar bin Al-Khaṭṭāb رضي الله عنه, mereka menunaikan 20 rakaat ketika bulan Ramaḍān. Dia berkata lagi: Mereka membaca dengan Al-Mi'īn (surah-surah yang ayatnya sekitar 100 ayat)."[1]

Sedemikianlah yang diamalkan di dua Tanah Ḥarām yang mulia dan kota-kota tradisi Islām. Maka, barangsiapa yang mampu untuk melakukannya dengan sempurna, maka dia telah melakukan Sunnah yang sempurna. Barangsiapa yang tidak mampu, maka dia telah melakukan sebahagian daripada Sunnah tersebut, dan baginya pahala ke atas ṣolāt yang telah dia tunaikan. Walau bagaimanapun, tidak berhak

[1] *Sunan Al-Bayhaqī*, 4288.

bagi seseorang itu untuk menghalang atau melarang orang lain untuk menyempurnakan Sunnah tadi; kerana halangan adalah pada perkara munkar, sedangkan ṣolāt adalah amalan terbaik bagi orang Mu'min. Nabi ﷺ telah bersabda:

الصَّلَاةُ خَيْرُ مَوْضُوعٍ فَمَنِ اسْتَطَاعَ أَنْ يَسْتَكْثِرَ فَلْيَسْتَكْثِرْ

> "Ṣolāt adalah perkara yang terbaik. Barangsiapa yang mampu untuk memperbanyakkannya, maka perbanyakkanlah."[1]

Firman Allah ﷻ:

﴿ أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يَنْهَىٰ ۝٩ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰٓ ۝١٠ ﴾

> "Adakah engkau melihat orang yang yang melarang seorang hamba Allah apabila ia mengerjakan ṣolāt?"[2]

Tatacara Ṣolāt Tarāwīḥ

Disyaratkan bagi sahnya ṣolāt Tarāwīḥ untuk ditentukan niat, dengan cara seseorang itu menghadirkan niat ṣolāt Tarāwīḥ atau Qiyāmullail Ramaḍān. Tidak memadai untuk seseorang itu berniat sekadar menunaikan ṣolāt sunat secara mutlak.

[1] *Al-Mu'jam Al-Awsaṭ*, 243.
[2] Surah Al-Alaq, 9-10.

Diwajibkan untuk seseorang itu menunaikan dua rakaat sekaligus dengan satu salam, dan tidak sah ṣolāt empat rakaat sekaligus; kerana ia bercanggah dengan apa yang disyariatkan. Ṣolāt Tarāwīḥ disyariatkan secara berjemaah, ia menyerupai ṣolāt-ṣolāt farḍū. Maka, ia tidak berubah daripada sifat-sifat ṣolāt farḍū tersebut. Jika seseorang itu berdiri untuk menyambung rakaat ketiga, dalam keadaan dia sengaja dan mengetahui tentang larangan perbuatan itu, maka ṣolātnya batal. Adapun, jika dia berdiri untuk menyambung rakaat ketiga kerana lalai, wajib baginya untuk kembali turun jika dia mengingatinya.

Waktu Ṣolāt Tarāwīḥ

Waktu ṣolāt Tarāwīḥ adalah di antara ṣolāt Isyā' dan ṣolāt Ṣubūḥ. Jika seseorang itu menghimpunkan ṣolāt Isyā' secara Jama' Taqdīm disebabkan keuzuran hujan atau musafir, diharuskan baginya untuk menunaikan terus ṣolāt Tarāwīḥ selepas ṣolāt Isyā' itu.

Hukum *Al-Munādāh* Bagi Ṣolāt Tarāwīḥ

Tiada halangan untuk melakukan *Al-Munādāh* (seruan) bagi ṣolāt Tarāwīḥ dengan ucapan "الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ" (ṣolāt secara berjemaah), atau "الصَّلَاةُ الصَّلَاةُ" (ṣolāt, ṣolāt), atau "الصَّلَاةُ رَحِمَكُمُ اللهُ" (ṣolāt, semoga Allah mengasihi kalian), atau "التَّرَاوِيْحُ أَثَابَكُمُ اللهُ" (ṣolāt Tarāwīḥ, semoga Allah mengganjari kalian). Disunatkan untuk menjawab seruan-seruan

tersebut dengan ucapan "لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ" (tiada daya dan kuasa melainkan hanya pada Allah)[1].

Sunat Berjemaah Pada Ṣolāt Tarāwīḥ

Disunatkan untuk menunaikan ṣolāt Tarāwīḥ dan Witir selepasnya secara berjemaah, dan ia afḍal daripada ditunaikan secara bersendirian. Namun, disebabkan keadaan yang sedang ditempuhi oleh beberapa negara, wujudnya virus Corona (COVID-19), dan demi memelihara kesihatan masyarakat awam serta nyawa mereka, maka kami menggalakkan saudara dan saudari sekalian untuk menjaga ṣolāt Tarāwīḥ secara berjemaah di rumah masing-masing. Hal ini adalah bertujuan memelihara Sunnah Nabi kita ﷺ, serta memohon keampunan Allah ﷻ. Barangsiapa yang tidak mampu untuk menunaikannya secara berjemaah di rumahnya, dibenarkan baginya untuk menunaikan ṣolāt Tarāwīḥ secara bersendirian.

Syaikh Al-Islām Imām Al-Nawawi رحمه الله telah berkata: "Dibenarkan (ṣolāt Tarāwīḥ) secara bersendirian dan berjemaah. Manakala yang mana afḍal itu padanya dua pandangan yang masyhur, sepertimana yang telah disebutkan oleh penulis (Imām Al-Syīrāzī). Kedua-dua pandangan tersebut telah disebutkan oleh sekumpulan `ulamā'. Pendapat yang ṣaḥīḥ yang disepakati *Al-Aṣḥāb* adalah berjemaah itu afḍal. Itulah yang dinukilkan di dalam kitab Al-Buwayṭī, dan majoriti

[1] *Mughnī Al-Muḥtāj*, 1/318.

Aṣḥāb kami yang terdahulu berpegang dengannya. Pendapat kedua ialah bersendirian itu afḍal."[1]

Nabi ﷺ telah menunaikan ṣolāt Tarāwīḥ secara berjemaah selama tiga hari, kemudian Baginda melaksanakannya di rumah Baginda, dan orang ramai tidak berjemaah padanya. Keadaan itu berterusan sehingga zaman Sayyidunā Abū Bakr Al-Ṣiddīq رضي الله عنه, sehinggalah permulaan pemerintahan Sayyidunā `Umar Al-Fārūq رضي الله عنه. Telah berkata Ibn Syihāb:

فَتُوُفِّيَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالأَمْرُ عَلَى ذَلِكَ، ثُمَّ كَانَ الأَمْرُ عَلَى ذَلِكَ فِي خِلاَفَةِ أَبِي بَكْرٍ، وَصَدْراً مِن خِلاَفَةِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا

> "Kemudian Rasūlullah ﷺ wafat, dan keadaan tetap seperti itu, kemudian keadaan kekal begitu ketika pemerintahan Abū Bakr sehingga permulaan pemerintahan `Umar رضي الله عنهما."[2]

Telah berkata Syaikh Al-Islām Imām Al-Nawawi رحمه الله: "Maksudnya, keadaan itu berterusan dalam tempoh ini dengan setiap seorang mendirikan (ṣolāt Tarāwīḥ) Ramaḍān di rumahnya secara bersendirian sehingga ia berhenti pada permulaan pemerintahan `Umar."[3] Syaikh Al-Islām Imām Ibn Ḥajar Al-`Asqalāniy Al-Syāfi`ī

[1] *Al-Majmū` Syarḥ al-Muhazzab*, 4/31.
[2] *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī,* 2009*; Ṣaḥīḥ Muslim,* 759.
[3] *Syarḥ Al-Nawawi `alā Muslim*, 6/40.

berkata: "Katanya (...keadaan tetap seperti itu) iaitu ditinggalkan berjemaah pada ṣolāt Tarāwīḥ".[1]

Barangsiapa yang tidak mampu melaksanakannya secara berjemaah, maka dibenarkan bersendirian. Berkata Syaikh Al-Islām Imām Al-Nawawi: "Dibenarkan (ṣolāt Tarāwīḥ) secara bersendirian dan berjemaah. Manakala yang mana afḍal itu padanya dua pandangan yang masyhur, sepertimana yang telah disebutkan oleh penulis (Imām Al-Syīrāzī). Kedua-dua pandangan tersebut telah disebutkan oleh sekumpulan `ulamā'. Pendapat yang ṣaḥīḥ yang disepakati *Al-Aṣḥāb* adalah berjemaah itu afḍal. Itulah yang dinukilkan di dalam kitab Al-Buwayṭī, dan majoriti *Aṣḥāb* kami yang terdahulu berpegang dengannya. Pendapat kedua ialah bersendirian itu afḍal."[2] Kita boleh menggabūngkan kedua-dua pendapat ini dengan mengatakan: Sesungguhnya paksi ṣolāt itu ialah khusyuk, maka barangsiapa yang mendapat khusyuk dengan berjemaah maka itu afḍal baginya. Manakala barangsiapa yang mendapat khusyuk dengan bersendirian maka itu afḍal baginya. Namun, kerana ṣolāt berjemaah hari ini di masjid-masjid telah dihentikan untuk memelihara keselamatan masyarakat awam yang merupakan sesuatu yang agung di sisi Allah, maka melazimi ṣolāt Tarāwīḥ di rumah adalah wajib di sisi syara`. Barangsiapa yang melaziminya kerana taat kepada Allah dan pemerintah, serta demi

[1] *Fatḥ Al-Bārī*, 4/252.
[2] *Al-Majmū` Syarḥ al-Muhazzab*, 4/31.

memelihara kesihatan manusia, maka baginya pahala jemaah dalam keadaan dia berada di rumahnya. Ini berdasarkan sabdaan Nabi ﷺ:

إِنَّ أَقْوَامًا بِالمَدِينَةِ خَلْفَنَا، مَا سَلَكْنَا شِعْبًا وَلَا وَادِيًا إِلَّا وَهُمْ معنَا فِيهِ، حَبَسَهُمُ العُذْرُ

> "Sesungguhnya ada kaum di Madīnah tidak ikut berperang bersama kita. Tidaklah kita melalui sebuah bukit, dan tidak pula sebuah lembah melainkan mereka bersama kita padanya (mendapat pahala). Mereka tertahan disebabkan uzur."[1]

Di samping itu, kami ingin mengingatkan agar jemaah dihadkan kepada ahli sebuah rumah sahaja, dan tidak berkumpul bersama jiran-jiran di atas lapangan atap atau garaj bangunan-bangunan, atau berkumpul bersama ahli kejiranan di padang lapang.

Begitu juga, tidak dibenarkan untuk berma'mumkan seorang imām melalui televisyen mahupun internet. Ikutan ma'mum seperti ini adalah batal dan tidak sah.

[1] *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 2839.

Adakah Dibenarkan Ṣolāt Tarāwīḥ Secara Duduk?

Berdiri bagi ṣolāt sunat seperti Tarāwīḥ hukumnya sunat. Maka, dibenarkan bagi seseorang itu untuk menunaikan ṣolāt Tarāwīḥ secara duduk di atas lantai atau kerusi, sekalipun dia mampu untuk berdiri. Namun, barangsiapa yang ṣolāt secara duduk tanpa keuzuran, dia hanya memperolehi separuh dari pahala orang yang berdiri. Ini berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Ibn Buraydah, katanya: Telah menceritakan kepada kami `Imrān bin Ḥuṣayn رضي الله عنه dalam keadaan dia sedang menghidap buasir, dia berkata:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسَلَّمَ عَنْ صَلاَةِ الرَّجُلِ قَاعِدًا،
فَقَالَ: إِنْ صَلَّى قَائِمًا فَهْوَ أَفْضَلُ، وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ
نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ، وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَاعِدِ

> "Aku pernah bertanya kepada Rasūlullah ﷺ tentang ṣolāt seseorang dalam keadaan duduk, maka Baginda menjawab: Jika dia ṣolāt secara berdiri maka itu afḍal. Barangsiapa yang ṣolāt secara duduk, maka baginya separuh daripada pahala orang yang berdiri. Barangsiapa yang ṣolāt secara berbaring, maka baginya separuh daripada pahala orang yang duduk."[1]

Namun, sesiapa yang ṣolāt secara duduk dan mampu untuk melakukan rukū` dan sujud dengan sempurna, maka wajib ke atasnya untuk melakukan yang sedemikian. Dengan maksud dia rukū` dalam

[1] *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 1115.

keadaan duduk, dan sujud dengan sujud yang sempurna hingga menyentuh lantai. Adapun jika dia tidak mampu melakukan yang sedemikian, maka hendaklah dia melakukan dua rukun itu dengan isyarat; iaitu dengan menundukkan kepalanya sahaja, kemudian dia menjadikan tunduk untuk sujud itu lebih rendah daripada rukū`.

Hukum Doa Qunūt Dalam Ṣolāt Witir Ramaḍān

Disunatkan untuk berdoa Qunūt dalam ṣolāt Witir pada separuh kedua bulan Ramaḍān. Jika seseorang meninggalkan doa Qunūt itu atau lupa melakukannya, dia tidaklah berdosa. Tetapi, disunatkan baginya untuk sujud Sahwi sebelum salam. Adapun doa Qunūt pada selain daripada separuh kedua bulan Ramaḍān, ia tidak disunatkan. Dibenarkan juga melakukan Qunūt *Nāzilah* pada setiap ṣolāt.

Hukum Mengangkat Tangan Ketika Doa Qunūt

Disunatkan mengangkat tangan ketika doa Qunūt sepertimana ia diangkat ketika doa-doa yang lain. Seseorang itu tidak perlu menyapu muka dengan tapak tangannya selepas selesai daripada berdoa di dalam ṣolāt. Adapun bagi doa di luar ṣolāt, maka ia disunatkan.

Hukum Memanjangkan Doa Qunūt

Disunatkan agar tidak memanjangkan doa Qunūt, bahkan afḍal berpada dengan doa yang *Ma'thūr* (daripada Sunnah Nabi), dan begitu juga afḍal dia meringankannya ke atas jemaah. Namun, barangsiapa yang memanjangkan Qunūtnya, tidak batal ṣolātnya; kerana ia merupakan doa dan para `ulamā' telah berselisih pendapat pada perkara ini. Dalam Mazhab Al-Syāfi`ī, terdapat pendapat yang menyatakan bahawa terbatal ṣolāt dengan Qunūt yang panjang yang melebihi had kebiasaan adat. Untuk berjaga-jaga, hendaklah tidak dipanjangkan doa Qunūt tersebut supaya terhindar daripada terbatalnya ṣolāt.

Adakah Dibenarkan Untuk Membaca Muṣḥaf Al-Qur'ān Pada Ṣolāt Tarāwīḥ? Adakah Terdapat Had Tertentu Untuk Dibaca Pada Setiap Rakaat?

Dibenarkan untuk seseorang ketika menunaikan ṣolāt Tarāwīḥ untuk membaca muṣḥaf al-Qur'ān apabila dia mempunyai hajat yang menafikan hukum asal makruh membaca dari muṣḥaf al-Qur'ān, sepertimana bagi ṣolāt farḍū. Ṣolāt Tarāwīḥ adalah daripada Qiyāmullail, dan tiada nas syara` yang menunjukkan apa-apa had tertentu yang wajib untuk dibaca bagi setiap rakaat. Seseorang imām itu hendaklah meraikan keadaan para ma'mumnya, dan ma'mum hendaklah menghindari provokasi dan selisih faham berkenaan kadar bacaan ini. Barangsiapa yang tidak mampu untuk ṣolāt secara berdiri, dibenarkan

baginya untuk duduk ketika membaca surah. Telah diriwayatkan bahawa para Ṣaḥābat dahulunya membaca pada setiap rakaat daripada Qiyām Ramaḍān dengan surah-surah Al-Mi'īn , iaitu surah-surah yang bilangan ayatnya sekitar 100 ayat, sehinggakan mereka bersandar pada tongkat-tongkat mereka pada zaman pemerintahan `Uthmān kerana lamanya berdiri.[1]

Hukum Bertasbih Dan Zikir Antara Rakaat

Jeda yang ringan di antara setiap empat rakaat ṣolāt Tarāwīḥ merupakan kebiasaan orang-orang Islām untuk berehat sebentar dan bertujuan memperbaharui kecergasan dan semangat untuk kembali ṣolāt dengan bersungguh dan cergas. Tidak terdapat apa-apa halangan dari syara` untuk mengisi masa rehat ini dengan zikir-zikir atau bacaan al-Qur'ān.

Hukum Memisah-misahkan Ṣolāt Tarāwīḥ Sepanjang Malam

Tiada halangan untuk memisah-misahkan ṣolāt Tarāwīḥ sepanjang malam, kerana tidak disyaratkan ṣolāt Tarāwīḥ itu dilaksanakan pada satu masa sahaja. Bahkan, sah ṣolāt itu jika dipisah-pisahkan di dalam tempoh antara ṣolāt Isyā' dan terbit fajar.

ونسأل الله ﷻ أن ينفعنا بما علمنا، وأن يعلّمنا ما ينفعنا، إنّه على ذلك قدير

[1] *Marqāh Al-Mafātīḥ*, 2/971.

Kita bermohon kepada Allah ﷻ untuk memberi manfaat dengan apa yang telah kita ketahui, dan menganugerahkan kepada kita ilmu yang memberi manfaat. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa ke atas yang demikian.

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, serta ṣalawāt dan salām ke atas Sayyidunā Muhammad, keluarga Baginda, dan para Ṣaḥābat Baginda sekaliannya.

~ Tamat ~

Nota penterjemah: الحمد لله, dengan limpah kurnia-Nya telah selesai terjemahan ringkas dan kecil ini pada waktu `Aṣar, 29 Sya'bān 1441 Hijrah bersamaan 23 April 2020 Masihi di Bayt Hamka, Al-Mafraq, Jordan. Pihak penterjemah memohon ampun kepada Allah ﷻ dan maaf kepada sidang pembaca atas sebarang kelemahan yang terkandung dalam terjemahan ini. Sebarang pembetulan atau cadangan adalah dialu-alukan dan boleh dihantar kepada alamat e-mel: muhammadaljitrawiy@gmail.com.

والله أعلم